

GST makin diterima, tingkat hasil kerajaan


Meskipun dibantah pada peringkat awal, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar enam peratus sejak 1 April, 2015, terbukti sangat berjaya.

Cukai itu yang diperkenalkan bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan, tidak diterima baik oleh beberapa pihak, namun akhirnya, ia menjadi penyelamat kepada sumbangan hasil ketika berlaku kejatuhan harga minyak yang menjejaskan pendapatan kerajaan.

GST semakin diterima, semuanya hasil program penerangan yang dilakukan sejak setahun sebelum pelaksanaannya.

Pada 1 Disember 2015, jumlah syarikat yang berdaftar untuk GST dengan Jabatan Kastam sebanyak 395,524, suatu petunjuk bahawa sektor perniagaan menerima dan yakin manfaat GST kepada mereka.

Timbalan Ketua Pengarah (Kastam dan GST) Kastam Diraja Malaysia, Datuk Subromaniam Tholasy, berkata beberapa faktor kritikal kejayaan



Subromaniam Tholasy

itu termasuk pemasangan dan menaik taraf perisian perakauan, mengkaji semula sistem dan proses perniagaan supaya mematuhi undang-undang GST.

Latih NGO

“Kita telah melantik penasihat dan duta, program penerimaan selain memujuk orang ramai, yang dijalankan untuk melatih organisasi bukan kerajaan (NGO) kerajaan dan swasta.

“Kemajuannya baik dan tidak ada isu-isu utama kecu-

ali beberapa kelewatan dalam pembayaran balik pada awal pelaksanaan,” katanya di Kuala Lumpur.

Beliau berkata beberapa faktor kelewatan yang berlaku termasuklah kesilapan mengisi borang pulangan, penyerahan penyata yang tidak teratur selain maklumat bank yang tidak lengkap.

Selain itu, sama ada syarikat tidak dapat dihubungi selepas tujuh hari dari tarikh surat dikeluarkan serta tiada atau tindak balas yang lambat daripada pemohon terhadap pertanyaan oleh pegawai bayaran balik.

“Bagaimanapun, selepas lapan bulan pelaksanaannya, lebih daripada 70 peratus bayaran balik telah dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja. Kami akan terus menambah baik proses untuk memendekkan tempoh bayaran balik,” kata Subromaniam.

Beliau berkata, tahap pematuhan oleh perniagaan lebih daripada 90 peratus dari segi penyerahan pulangan GST-03, dengan baki sebahagian besarnya daripada sektor runcit

yang menghadapi masalah ketiadaan sistem Titik Jualan (POS).

Subromaniam berkata, untuk kemudahan, setiap peruncit perlu menggunakan sistem POS walaupun GST Akta 2014 masih belum memberi mandat kepada perlunya sistem POS.

Kastam bagaimanapun sudah mencadangkan ia dijadikan mandatori untuk peruncit tertentu.

Kumpul RM27 bilion

Dari segi pendapatan, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2016, Jabatan Kastam dijangka mengumpul RM27 bilion daripada GST tahun ini, yang menurut Subromaniam angka itu boleh dicapai.

Untuk 2016, kutipan GST dijangka sebanyak RM39 bilion, dengan sumbangan terbesar dijangkakan daripada sektor runcit dan perkhidmatan seperti makanan dan minuman (F&B), perkhidmatan telekomunikasi, penyiaran, iklan dan perkhidmatan keselamatan, kata Subromaniam. **BERNAMA**